

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI  
BIN HAJI SALLEH  
[ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH SOALAN : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 42**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan dalam menjenamakan semula program Skim Latihan Satu Malaysia (SL1M) kepada Program *Profesional Training And Education For Growing Entrepreneurs*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) yang dahulunya di bawah seliaan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) berkuatkuasa pada 22 Oktober 2018 dan dijenamakan semula kepada *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)* mulai 28 Januari 2019.
2. Penjenamaan semula ini adalah bertujuan mengembangkan lagi fungsi sedia ada agensi merangkumi elemen penekanan kepada latihan keusahawanan bagi menggalakkan lebih ramai usahawan berdaya maju selaras dengan matlamat Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk melahirkan 50,000 usahawan setahun.
3. Penjenamaan baharu ini masih mengekalkan modul kebolehpasaran sedia ada untuk membantu graduan menambah pengalaman melalui latihan dan penempatan di syarikat yang mengambil bahagian dalam program ini.
4. Rasional penjenamaan baharu ini adalah bagi memastikan lebih ramai anak muda mendapat pendedahan kepada program *PROTÉGÉ* dengan memperluaskan sasaran kepada golongan pelajar lepasan sekolah, diploma dan ijazah ke atas.
5. *PROTÉGÉ* turut mengadakan kempen kesedaran kepada anak muda melalui beberapa program *outreach* keusahawanan dan kebolehpasaran. Program yang telah dirangka ini mengambil kira penambahbaikan dan pendekatan baru yang lebih mantap dalam memperkasakan belia. Ia mampu melahirkan modal insan yang seimbang dan berkemahiran untuk industri dan mewujudkan generasi usahawan atau *job creator* bagi mengembangkan ekonomi negara dengan lebih pesat lagi.

Sekian, terima kasih.